

Penyampai : TAN SRI ABDUL HALIM ALI
Tajuk : MAJLIS PELANCARAN INTAN WILAYAH TIMUR LAUT (INTILA)
Lokasi : AUDITORIUM TINGKAT 17, BANGUNAN SULTAN ISKANDAR JALAN SIMPANG TIGA,
KUCHING, SARAWAK
Tarikh : 26-03-1999

Yang Berusaha Pengerusi Majlis, Yang Berhormat Tan Sri Datuk Amar Hj. Hamid Bugo, Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak; Yang Berbahagia Dato Megat Muhaiyadin bin Megat Hassan, Setiausaha Persekutuan Sarawak; Yang Berusaha Dr. Zulkurnain Haji Awang, Pengarah INTAN;

Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Terlebih dahulu marilah kita memanjat kesyukuran kepada Allah Subhanahuwataala kerana dengan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama dimajlis yang amat bersejarah dan bermakna pada hari ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada INTAN serta Jawatankuasa Penganjur Majlis kerana sudi menjemput saya untuk memberi ucapan merasmikan pelancaran INTAN Wilayah Timur Laut atau INTILA dan seterusnya menutup dua kursus sulung anjuran INTILA iaitu Kursus Pengurusan Strategik dan Kursus Tatacara Kewangan.

Saya juga ingin menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan dan sebanyak terima kasih kepada Yang Berhormat Tan Sri Datuk Amar Haji Hamid, Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak dan Yang Berbahagia Dato Megat Muhaiyadin bin Megat Hassan, Setiausaha Persekutuan Sarawak, di atas sokongan dan kerjasama yang diberikan selama ini sehingga usaha kita untuk menubuhkan INTAN Wilayah Timur Laut disini kini telah menjadi kenyataan.

Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

2. Hari ini adalah merupakan hari yang amat bermakna bagi perkhidmatan awam dan INTAN. Ini adalah kerana pada hari ini kita akan melancarkan Penubuhan INTAN Wilayah Timur Laut atau nama ringkasnya INTILA. Kampus INTAN yang kelima ini adalah bertanggungjawab melatih pegawai-pegawai perkhidmatan awam Persekutuan dari Sarawak, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Usaha ini adalah tepat dan bersesuaian memandangkan pada masa ini terdapat kira-kira 90,000 orang pegawai Persekutuan di Sarawak, Sabah dan Labuan. Di samping dapat membantu meningkatkan latihan dan prestasi perkhidmatan awam di negeri-negeri ini, INTILA dapat menggalakkan lagi proses integrasi nasional. Harapan saya ialah supaya INTILA dapat menyeragamkan latihan pegawai- pegawai awam di negeri-negeri ini yang akhirnya akan mewujudkan corak perkhidmatan awam yang selaras dan setanding di seluruh negara. Melalui INTILA juga, sebarang usaha memajukan perkhidmatan awam serta inovasi yang diperkenalkan di peringkat Persekutuan akan mudah diperluaskan ke Sarawak, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan.

3. Disamping itu, kejudan INTILA ini juga bertujuan untuk memperlengkapkan usaha-usaha latihan dan pembangunan sumber manusia yang dijalankan secara "ad hoc" selama ini. Ke arah matlamat ini, usahasama- usahasama boleh diadakan dengan lebih kerap lagi dengan agensi-agensi latihan utama seperti Centre for Modern Management (CMM) di Sarawak dan Biro Pembangunan Sumber Manusia(BPSM) di Sabah. Sebagai contoh, INTILA boleh menjalankan Kursus, Seminar atau kerja-kerja penyelidikan dengan agensi-agensi ini selain dari mengadakan pertukaran penempatan dikalangan pegawai- pegawai latihan.

4. Kepada agensi-agensi kerajaan di Sarawak, Sabah dan juga di Wilayah Persekutuan Labuan, kejudan INTILA ini sudah tentulah akan memberi peluang yang lebih luas untuk melatih pegawai dan kakitangan masing-masing. Kos penghantaran pegawai-pegawai berkursus tentulah akan lebih murah berbanding dengan menghantar kumpulan yang sama berkursus di INTAN Kuala Lumpur. Saya berharap peluang ini akan dapat digunakan sepenuhnya oleh semua ketua-ketua jabatan demi untuk meningkatkan lagi kualiti dan produktiviti kakitangan masing-masing. Kita mesti sedar bahawa "training

and development are not just exercises to acquire better professional designations or to meet government regulations. They are tools to overcoming old assumptions and closing the gap between expectations and performance." Seorang pegawai atau kakitangan yang telah mengikuti sesuatu latihan seharusnya dapat menjadi "a different person and a better employee. An educated employee never stops learning, adapts smoothly to continuous and complex changes in the workplace, accept increasing responsibility, is self-directed and a better problem- solver, and understands the need to respond quickly to demands of the stakeholders. "

5. Inilah yang seharusnya menjadi matlamat kita iaitu untuk melahirkan kakitangan dan pegawai awam yang semuanya educated dan memiliki ciri-ciri yang saya sebutkan tadi. Dan INTAN melalui kampus-kampus cawangannya seperti INTILA ini seharusnya berupaya untuk mengecilkan jurang antara kemahiran yang diperlukan dengan kemahiran yang dimiliki oleh seseorang pegawai awam dalam bidang masing-masing (narrowing the gap between the skills employees need and the skills they have). Walaupun INTILA belum lagi mempunyai bangunan kampusnya yang tersendiri, ia tidak sepatutnya menjadi satu handicap untuk mencapai matlamat. Malah saya percaya dengan kepakaran INTAN yang telah established dan telah sekian lama menjalankan pelbagai latihan di Sarawak, Sabah dan Labuan, hasrat ini akan tercapai.

Para Hadirin Sekalian,

6. Sempena dengan pelancarannya, INTILA telah mengendalikan dua kursus sulungnya, iaitu Kursus Pengurusan Strategik dan Kursus Tatacara Kewangan.

Kepada peserta-peserta yang telah mengikuti kursus- kursus ini dengan jayanya saya ucapkan tahniah. Secara keseluruhannya kedua-dua kursus ini adalah kursus pembangunan diri yang amat penting dalam bidang masing- masing. Di samping saudara-saudari telah didedahkan dengan ilmu pengetahuan serta kemahiran dalam bidang pengurusan strategik dan pengurusan kewangan, adalah diharapkan kursus-kursus ini akan mampu meningkatkan semangat kerjasama serta sikap positif dikalangan saudara-saudari. Semangat serta sikap ini bukan sahaja perlu diamalkan semasa berkursus malahan lebih-lebih lagi selepas berkursus. Ini adalah satu peluang bagi saudara dan saudari mewujudkan networking yang jitu di antara satu sama lain.

7. Kepada para peserta Kursus Pengurusan Strategik yang terdiri dari Ketua-ketua Jabatan dan pegawai-pegawai kanan Persekutuan, saya berharap agar tuan-tuan dan puan-puan telahpun didedahkan dengan pendekatan serta kaedah-kaedah pengurusan dan perancangan strategik yang terkini dan relevan dengan cabaran- cabaran pembangunan negara. Ini amatlah penting untuk memastikan bahawa pegawai-pegawai kanan kerajaan sentiasa dibimbing dan dilatih dengan cara yang sistematik dan efektif, agar mereka dapat menggunakan ilmu dan kemahiran-kemahiran yang baru diperolehi itu, ke arah melaksanakan tanggungjawab dan tugas mereka dengan lebih cekap dan berkesan. Melalui cara ini, segala rancangan pembangunan yang diatur oleh kerajaan akan dapat dilaksanakan dengan jayanya bagi faedah rakyat dan negara.

Para Hadirin Sekalian,

8. Sesebuah organisasi tidak boleh berada dalam keadaan yang statik, tetapi perlu sentiasa berinteraksi dengan faktor-faktor luaran. Faktor- faktor utama yang menyebabkan perubahan ini termasuklah kesan daripada penemuan-penemuan teknologi baru, serta perubahan persekitaran sama ada di peringkat dalam atau pun diperingkat "global". Dalam menghadapi masa depan yang kurang menentu dan perubahan yang pantas, pegawai- pegawai kanan kerajaan khususnya, perlulah mempunyai wawasan dan keupayaan untuk merancang dan mengurus secara strategik. Mereka perlu memahami dengan jelas tentang misi organisasi masing-masing dan berupaya memilih objektif-objektif yang strategik. Saya percaya jika ini dapat dilakukan nescaya kita tidak akan berhadapan dengan masalah-masalah seperti kegagalan menyiapkan projek-projek pembangunan dalam tempoh yang telah ditentukan atau kegagalan membelanjakan sejumlah peruntukan yang telah diluluskan.

9. Bagi tujuan ini, usaha kerajaan melaksanakan EG atau Kerajaan Elektronik sepatutnya telah memberi

banyak kesedaran dan pemahaman kepada pengurusan atasan bagaimana Sistem Maklumat dapat digunakan dalam membentuk atau menyokong corporate strategy agensi masing-masing. Ini berdasarkan faktor bahawa sistem elektronik yang canggih dapat memberi competitive advantage yang banyak termasuklah dari segi:

(i) Kebolehan untuk mengumpul maklumat yang relevan pada masa yang diperlukan untuk membuat keputusan;

(ii) Keupayaan untuk menggunakan teknologi dengan berkesan bagi memaksimumkan penggunaan dan penyebaran maklumat; dan

(iii) Pengurusan yang mengambilkira keperluan- keperluan pelanggan serta perkongsian dengan personel yang berkemahiran tinggi dapat menghasilkan perkhidmatan yang berkualiti.

10. Walau bagaimanapun, sistem yang canggih ini juga ada kelemahannya. Sebagai contohnya, isu yang sedang hangat diperkatakan sekarang ini iaitu Y2K atau pepijat alaf, dimana alat-alat elektronik yang tidak "Year-2000- compatible" akan beroperasi secara tidak menentu atau memberikan maklumat yang salah khususnya bagi maklumat- maklumat yang ada kaitan dengan pengiraan tahun 2000.

Sekiranya gejala ini tidak ditangani dengan sempurna, ada kemungkinan krisis dan keadaan yang tidak menentu akan berlaku menjelang tahun 2000. Oleh itu amatlah perlu isu ini ditangani segera oleh semua agensi kerajaan, dan kerajaan telahpun memperuntukkan perbelanjaan yang besar ke arah ini.

11. Menjelang abad yang baru ini juga perkhidmatan awam hendaklah bersedia dari sekarang untuk menghadapi isu-isu yang lebih besar. Sesungguhnya perubahan- perubahan yang akan berlaku adalah amat pesat dan organisasi yang tidak mampu menanganinya atau tidak berupaya menguruskan perubahan ini akan menghadapi masa depan yang gelap. Oleh itu adalah penting bagi sesebuah organisasi memahami apakah yang sedang berlaku serta akan berlaku didalam persekitarannya. Dalam senario seperti ini pegawai-pegawai awam perlu meningkatkan kesedaran dan kepekaan terhadap apa yang diharapkan oleh pelanggan dan stakeholders daripada mereka dan apa yang mereka perlu lengkapkan diri masing-masing untuk memenuhi harapan-harapan ini dalam mengharungi dan menyediakan negara menghadapi abad ke-21.

12. Dari itu, pegawai-pegawai awam perlu sentiasa mengikuti perkembangan, menganalisis dan membincangkan terutama dasar-dasar utama kerajaan dan pendekatan pengurusan terkini supaya usaha peningkatan perkhidmatan boleh dilaksanakan dengan cemerlang. Adalah menjadi harapan saya agar INTAN selaku institusi latihan ulung negara ini dapat menyediakan dan memberi latihan yang sewajarnya kepada penjawat-penjawat awam dalam menghadapi arus perubahan ini. Pada masa yang sama ketua-ketua jabatan hendaklah memberi sokongan terhadap usaha ini dengan memberi peluang kepada pegawai-pegawai bawahannya untuk menyertai latihan- latihan seumpama ini serta membuat perancangan bagi latihan untuk semua peringkat pegawai dan kakitangan dari semasa ke semasa.

Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

13. Bagi peserta-peserta Kursus Tatacara Kewangan pula saya berharap anda semua telah didedahkan kepada prinsip-prinsip asas terkini mengenai tatacara kewangan. Pengurusan kewangan sektor awam merupakan satu proses perancangan, pelaksanaan dan pengawalan penggunaan aset dan sumber-sumber kewangan awam. Ianya bukan sahaja merangkumi peruntukan-peruntukan berkaitan pembayaran, pemberian, pengawalan dan pengelolaan wang serta aset awam malah pertanggungjawaban pengurusan supaya ianya mematuhi Akta-akta dan peraturan-peraturan serta panduan pengurusan kewangan yang ditentukan oleh kerajaan bagi menentukan pegawai-pegawai kerajaan mempunyai akauntabiliti yang tinggi.

14. Apa yang jelas ialah pengurusan kewangan yang baik itu memerlukan peningkatan dari semasa ke semasa dari segi ilmu pengetahuan, profesionalisma, ketegasan, amanah, jujur dan bertanggungjawab. Semua ciri-ciri yang baik ini perlulah ada pada semua pegawai-pegawai yang terlibat dalam pengurusan

keuangan awam sama ada di peringkat pengurusan tinggi, pertengahan, bawahan mahu pun sokongan.

Hadirin yang Dihormati sekalian,

15. Laporan-laporan Ketua Audit Negara dan penemuan- penemuan kajian yang dijalankan mendapati masih terdapat kelemahan dalam pematuhan peraturan-peraturan dan tatacara mengurus kewangan yang ditetapkan. Contohnya Laporan Audit yang berulang kali menegur butiran-butiran dan kelemahan yang sama dan ini menunjukkan tidak ada tindakan yang diambil oleh pihak yang ditegur. Ini juga bermakna bahawa pegawai itu tidak berkebolehan atau sengaja tidak melaksanakan tugasnya dengan betul.

16. Dalam pengurusan kewangan, kecekapan dan kecemerlangan adalah amat penting dalam mewujudkan satu organisasi yang efisien, berdaya maju dan "accountable".

Lebih-lebih lagi dalam pentadbiran kerajaan di mana jumlah wang yang terlibat adalah milik negara, maka sebarang kesilapan walaupun kecil adalah dianggap serius dan mesti dielakkan. Oleh itu, pegawai-pegawai terutamanya pegawai kanan dalam pengurusan kewangan hendaklah menunjukkan kesungguhan dalam melaksanakan tugas mereka. Mereka perlu menentukan pematuhan sepenuhnya kepada semua peraturan-peraturan pengurusan kewangan yang sedang berkuatkuasa. Usaha hendaklah dibuat untuk mengeluarkan bahan-bahan rujukan seperti Buku Panduan Pengurusan Kewangan atau Senarai Semak yang boleh digunakan oleh pegawai kanan sebagai panduan dalam pengurusan kewangan harian jabatan. Di samping itu latihan di dalam pengurusan kewangan seperti ini perlulah ditingkatkan dan lebih ramai lagi pegawai dilatih dari semasa ke semasa.

17. Sementara itu, kerajaan akan memberi perhatian yang serius didalam penempatan pegawai-pegawai yang terlatih. Hanya pegawai-pegawai yang cekap, berpengalaman dan mempunyai akauntabiliti dan komitmen yang tinggi sahaja akan dilantik ke jawatan atau menganggotai mana-mana Jawatankuasa yang berkaitan dengan pengurusan kewangan. Pada masa yang sama, kita perlu tegas dan tidak seharusnya berkompromi dalam usaha menentukan pegawai menjalankan tugas dengan teratur dan berkualiti. Untuk itu tindakan tatatertib dan surcaj akan diambil terhadap pegawai-pegawai yang cuai dan tidak bertanggung jawab dalam pengurusan kewangan awam.

Hadirin sekalian,

18. Bersempena dengan majlis pada hari ini, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahuwataala kerana hasrat untuk menubuhkan sebuah kampus cawangan INTAN khusus untuk pegawai-pegawai awam di Sarawak, Sabah dan Labuan telah akhirnya menjadi kenyataan. Tahniah kita ucapkan kepada INTAN di atas kegigihannya mengusahakan projek ini. Tidak lupa juga saya ingin mengambil peluang ini untuk sekali lagi mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Y. Berhormat Tan Sri Datuk Amar Hj Hamid Bugo dan Kerajaan Negeri Sarawak di atas sokongan dan persetujuan kerajaan Negeri Sarawak untuk menempatkan Kampus INTILA di Pusat Pentadbiran Persekutuan(PPP) dan seterusnya mencadangkan pembangunannya dimasukkan dalam Pelan Induk PPP di bawah Projek 2020. Saya juga tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada Yang Berbahagia Dato' Megat Muhaiyadin bin Megat Hassan, Setiausaha Persekutuan Sarawak di atas sokongan padu beliau didalam usaha ini.

19. Akhir sekali dengan lafaz, Bismillah Hirrahma Nirrahim, saya dengan segala sukacitanya melancarkan INTAN Wilayah Timur Laut atau INTILA dengan rasminya.

Wassalamualaikum, warahmatullahi Wabaratuh.